

Kawasan tadahan air perlu diwartakan

NIBONG TEBAL - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) meminta kerajaan Persekutuan mewartakan kawasan tadahan air hujan bagi mengelak krisis bekalan air pada musim kemarau.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Jaseni Maidinsa berkata, kawasan tadahan air yang telah diwartakan perlu diselenggara untuk menampung bekalan air mentah bagi mengatasi masalah bekalan air terutama akibat daripada fenomena El-Nino.

“Kita mesti jaga apa yang kita ada apa yang penting kawasan tadahan air perlu dijaga dan diwartakan.

“Kalau kawasan tadahan tidak dilindungi, buat empangan yang besar sekali pun tidak guna kerana bekalan air mentah tidak ada,” katanya.

Jaseni ditemui pada Persidangan Keselamatan Air: Dari Sumber hingga ke Bekalan (WSC'16) di Pusat Penyelidikan Sains dan Kejuruteraan, Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau berkata, kerajaan juga perlu menguruskan bekalan air dengan lebih cekap iaitu menyimpan bekalan air mentah lebih banyak apabila tiba musim hujan bagi menampung bekalan pada musim kemarau.

Terdahulu, Penolong Naib Canselor Kampus Kejuruteraan USM Prof Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah merasmikan persidangan yang membentangkan hasil penyelidikan mengenai air mentah oleh penuntut dan pensyarah USM serta Universiti Teknologi Malaysia.